

KISAH PELAYARAN ABDULLAH: ANALISIS FAKTA DAN PENTARIKHAN

Ismail Che Daud*

Abstrak

Sesiapa juga yang membicarakan karya Melayu klasik, pastinya buku Abdullah Munsyi, *KISAH PELAYARAN ABDULLAH* (selepas ini disebut KPA sahaja) menjadi sebutan. Resensi mengenai buku KPA sebenarnya telah jenuh diperkatakan oleh pelbagai golongan pengkaji, ahli akademik dan tidak kurang juga mendapat perhatian sarjana antarabangsa dari Barat dan Timur dengan penekanan aspek yang berbeza. Dalam makalah ini fokus kepada permasalahan pentarikhkan yang terdapat dalam KPA.

Kata Kunci: Abdullah Munsyi, Fakta dan Pentarikhkan

Pendahuluan

Antara kupasan popular sebelum ini ialah buku *PENGAJIAN KISAH PELAYARAN ABDULLAH MUNSYI* susunan A. H. Edrus (1911–1966) yang diterbitkan di Singapura pada 1960. Tidak kurang menariknya ialah artikel berjudul *A NOTE ON ABDULLAH'S ACCOUNT OF THE KELANTAN CIVIL WAR*¹ oleh Mohd. Taib Osman (kemudiannya Profesor Emeritus Datuk Dr) yang meragui dan agak skeptikal dengan kesahihan tarikh kedatangan Abdullah ke negeri Kelantan—benarkah pada TH 1253?

Keraguan timbul apabila padanan tarikh Miladinya didapati tidak runtut, lagi mengelirukan pembaca, termasuk Abdullah sendiri. Patutlah Mohd. Taib Osman (1934 – 2017) berani menegaskan, “Abdullah is rather confused with his dates.”²

Satu kelemahan pengarang lagi, meski beliau diperkenalkan “sebagai seorang... pemerhati yang amat teliti...pengkritik yang sangat tajam terhadap masyarakat Melayu dalam zamannya....” (KPA, hlm. 1 dan 2), namun, dalam bidang persuratan, tidak semua maklumat yang beliau sampaikan itu boleh ditelan mentah-mentah atau diterima begitu saja – tetapi perlu ditapis terlebih dahulu. Dalam pada itu didapati ada kalanya, pengarang jadi terkeliru dengan apa yang beliau bicarakan.

* Ismail Che Daud (Che Ismail bin Che Daud), lahir di Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan; mendapat didikan di Kelantan sehingga *High School Certificate of Education* (HSC); menyertai perkhidmatan kerajaan Kelantan; menulis pelbagai rencana, antaranya dalam *Berita Minggu, Berita Harian, Hidayah, Pengetahuan, Fajar Islam, Sri Timur, dan Jendela Timur*.

1 Tersiar dalam *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, BK1 120 (1964) no. 3, Leiden, hlm. 342 – 349.

2 Ibid., hlm. 344.

Nampak sangatlah tohmahan yang mengatakan beliau tidak cukup berhati-hati dengan ketepatan sesuatu fakta memang berasas. Lebih-lebih lagi, apabila A. H. Hill,³ salah seorang penterjemah autobiografinya – *HIKAYAT ABDULLAH* – berterang-terang menyifatkan “Abdullah cannot be relied upon for his facts and dates.”⁴

Dengan menyedari bahawa resensi yang mengitari hal fakta dan pentarikhan dalam karya klasik seperti KPA agak terabai dan jarang mendapat perhatian pengkaji, maka percubaan dilakukan menampilkan sebuah tulisan berlainan, meski realitinya pernah digali oleh Mohd. Taib Osman seawal 1964 lagi. Dalam usaha menyediakan makalah ini penulis menggunakan naskah KPA cetakan keenam terbitan Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1970 yang dilengkapi dengan pengenalan dan anotasi oleh penyelenggaranya, Kassim Ahmad (1933 – 2017).

Riwayat Hidup Ringkas Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi

Seperti yang diketahui umum, nama penuh pengarang KPA ialah Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi bin Muhammad Ibrahim bin Syeikh Abdul Kadir al-Yamani. Beliau berketurunan etnik kacukan – India di sebelah ibu dan Arab Yaman di sebelah bapa. Diceritakan bahawa Syeikh Abdul Kadir (moyang Abdullah), seorang Arab Yaman dari komuniti Uthmani yang berhijrah ke Selatan India dan akhirnya menetap di bandar Nagur, dalam daerah Nagapattinam, Tamil Nadu selepas mengahwini mojang Tamil. Aktif mengajar ilmu-ilmu pengajian Islam dan bahasa Arab hingga penghujung hayatnya di sana. Pasangan ini ialah bapa dan ibu kepada Muhammad Ibrahim dan tiga orang adik lelakinya.

Muhammad Ibrahim (datok Abdullah) kemudiannya merantau ke Melaka dan bertemu jodoh dengan perawan seorang tok alim yang bernama Peri Achi binti Syeikh Mira Lebai, wanita kacukan Muslim India seperti dirinya juga. Nenek Abdullah ini terkenal sebagai seorang guru mengaji al-Qur’an – muridnya seramai 200 orang. Pasangan ini tidak lain ialah bapa dan ibu kepada Abdul Kadir Munsyi yang kemudiannya menjadi bapa kepada Abdullah Munsyi pula.

Abdul Kadir bin Muhammad Ibrahim (bapa Abdullah) tersenarai dalam kelompok cendekiawan Melayu Melaka yang tidak ramai pada zaman itu. Beliau pun terkenal sebagai seorang guru bahasa Melayu (munsyi), khususnya dalam bidang surat-menyurat perjanjian perdagangan, hutang-piutang dan surat kiriman.

Selain bahasa Melayu, Abdul Kadir juga fasih berbahasa Tamil – bahasa lingua franca dalam kalangan pedagang-pedagang di Melaka pada zaman dahulu. Beliau sendiri adalah seorang ahli perniagaan yang bijak mengurus akaun dalam bahasa Tamil; kerap meninggalkan keluarganya atas urusan perniagaan ke negeri Siak dan Pekanbaru di Sumatra.

Selaku seorang agamawan, beliau dilantik menjadi khatib di Kampung Lubuk Kepong, Alor Gajah; kemudian bertukar ke Kampung Kuala Sungai Baharu, juga dalam

3 Sarjana Oxford yang bernama lengkap Anthony Haydock Hill ini pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pendidikan Kelantan bagi tempoh 23 Julai 1948 hingga 15 April 1950 sebelum kemudiannya menjadi pensyarah di Universiti London. Pada 1959, berpindah ke Australia kerana menerima tawaran jawatan pensyarah di Universiti Sydney pula. Beliau terkorban dalam nahas udara di pergunungan Jawa Barat pada penghujung 1960.

4 Lihat A. H. Hill, Hikayat Abdullah, *JMBRAS*, vol. 28 Part 3 (171), Jun 1955, hlm. 33.

kawasan Alor Gajah. Kemasyhuran nama Abdul Kadir sebagai pakar bahasa Melayu telah menambat hati William Marsden (1754-1836)⁵ yang memilih beliau sebagai guru bahasa Melayunya. Untuk makluman, Tuan Marsden pernah tinggal di Melaka selama 20 bulan.

Abdul Kadir amat bertuah kerana terpilih berkhidmat dengan kerajaan Belanda dua kali – sebelum kelahiran Abdullah (1796) dan pada tahun-tahun 1818 hingga 1824 apabila Belanda berkuasa semula di Melaka. Peringkat awalnya sebagai Syahbandar, kemudian jadi juragan kapal kerajaan dan terakhir sebagai jurubahasa atau setiausaha kepada Adrian Koek yang dilantik menjadi Timbalan Gabenor Melaka. Antara tugas pentingnya ialah selaku utusan Belanda kepada Raja-raja Melayu hingga ke Riau Lingga untuk mengumpulkan buku-buku dan persuratan Melayu lama. Dengan adanya semua kegiatan hidup dan kerjaya yang seperti itu memungkinkannya Abdul Kadir dan ahli-ahli keluarganya hidup senang.

Menurut sumber, bapa Abdullah “naik pelamin” dua kali. Kali pertama, bersama pasangan dari Hulu Melaka. Namun, jodoh awalnya itu tidak panjang – bercerai hidup sesudah beroleh dua orang anak: Muhammad Ali dan Syarifah. Kali kedua, pada TH 1200 (1786), kahwin dengan Salamah, cucu seorang penganut agama Hindu asal negeri Kedah yang mengungsi ke negeri Melaka lalu memeluk agama Islam. Dalam keluarganya, hanya Abdullah seorang yang sempat hidup dan membesar sehingga dewasa. Sementara empat orang abang Abdullah ditakdirkan meninggal dunia waktu kecil belaka. Ibu mereka pula disebut-sebut meninggal dunia pada TH 1231(1816).

Seterusnya, disingkapkan sisi kehidupan Abdullah Munsyi sendiri. Beliau dilahirkan di Kampung Pali⁶ pada suatu tarikh yang belum diputuskan kesahihannya kerana ada banyak versi. Sila ikuti perbincangan komprehensifnya dalam mula-mula penulis ketengahkan sekelumit kisah di sebalik penggunaan gelaran “Munsyi” yang melatari riwayat hidupnya.

Pada suatu masa (1811), Melaka didatangi berpuluh-puluh buah kapal perang Inggeris yang mendaratkan kira-kira 30,000 supai⁷ dari Calcutta dan Madras. Kebanyakan mereka beragama Islam, sebahagian kecilnya beragama Hindu. Anggota tentera Inggeris ini merupakan angkatan perang yang singgah sementara sebelum dihantar berperang di Pulau Jawa. Mana-mana supai yang tidak pergi berperang akan ditempatkan bersama garison (garrison) Kota Melaka. (Pulau Jawa jatuh ke tangan Inggeris pada awal September 1811).

Abdullah yang sejak kecil lagi sudah terlatih dalam bidang bacaan al-Qur’an dan penyalinan kitab suci sangat teruja apabila dipelawa mengambil upah menulis al-Qur’an bersama pamannya, Ismail Lebai untuk supai-supai Islam tersebut. Oleh kerana kerana menyedari bermasalah hendak berinteraksi dengan mereka maka beliau nekad belajar bahasa Hindi dengan salah seorang supai Benggali (bumiputera Benggala) itu sambil beliau pula mengajar bahasa Melayu kepada supai-supai yang menjadi muridnya. Golongan supai Islam itulah yang mula-mula memberikan gelaran “Munsyi” kepada Abdullah yang bermakna guru atau cikgu bahasa.

5 Ahli leksikografi kelahiran Dublin, Ireland ini diceritakan telah berada di Sumatra semenjak usianya 16 tahun. Beliau mula mengkaji bahasa Melayu sebelum TM 1779 lagi. Menghasilkan karya-karya seperti *A Dictionary of the Malayan Language* (1812), *The Malayan Dictionary*, Kamus Melayu-Inggeris, Kitab Nahu Melayu dan *The History of Sumatra*.

6 Kini dinamakan semula dengan nama Kampung Ketek. Lokasinya terletak di antara Jalan Portugis dan Jalan Tokong – dalam kawasan Bandar Raya Melaka Bersejarah.

7 Supai, sepoi, sepui atau sipahi ialah anggota tentera berbangsa India (daripada pelbagai etnik dan agama) yang diambil berkhidmat dengan tentera Inggeris di India.

Selain terkenal dengan nama Abdullah Munsyi atau Munsyi Abdullah, beliau pernah digelar oleh pengkaji dengan gelaran Bapa Kesusasteraan Melayu Moden. Belakangan, penulis mendapat tahu bahawa Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi ialah orang Melayu yang mula-mula belajar teknik mencetak dan menjilid buku – difahamkan sekitar 1816. Maknanya, layak sangatlah jika Abdullah dijulang juga sebagai Bapa atau Pelopor Percetakan Melayu.

Abdullah tergolong seorang pelajar yang “pelahap ilmu”. Peringkat awalnya belajar bahasa Melayu dengan bapanya sebelum kemudiannya pergi mendampingi sahabat-sahabat seperguruan bapanya – seperti Khoja Muhammad dan Jamal Muhammad bin Nor Muhammad al- Surati dan beberapa orang yang lain lagi. Kepada semua guru veteran atau “Munsyi Tua” inilah Abdullah acap bertanyakan hal-hal berkaitan dengan bahasa Melayu – terutama apabila beliau tersua dengan perkataan-perkataan yang sukar atau susah memahaminya dalam buku-buku hikayat bacaannya.

Patut dinyatakan juga bahawa dua orang guru utama kepada semua pakar bahasa Melayu yang seangkatan dengan bapa Abdullah tersebut ialah cendekiawan- cendekiawan Melaka yang dikenali dengan nama Dato’ Sulaiman dan Dato’ Astor (orang Melayu asal) yang masing-masingnya berkediaman di Kampung Hulu dan di Kampung Masjid. Kedua-duanya sama tua, kira-kira 80-90 tahun. Abdullah sempat mengunjungi mereka berdua beberapa kali. Dari hasil perbualannya beliau mendapat tahu bahawa bahasa Melayu mempunyai kaedah atau jalan bahasanya sendiri, tetapi belum pernah disusun orang.

Selain daripada bahasa-bahasa yang beliau telah ketahui – Melayu, Tamil, Hindi, Arab dan Cina, Abdullah juga berminat belajar bahasa Inggeris. Antara guru- gurunya ialah Reverend William Milne (1785 – 1882). Reverend Robert Morrison (1782 – 1834) dari London Missionary Society (LMS) dan Reverend Alfred North (1807 – 1869) dari American Board of Commissioners for Foreign Missions (ABCFM). Untuk makluman, Paderi Alfred North atau Tuan North inilah yang menasihati dan menggalakkan Abdullah supaya membukukan travelog KPA dan autobiografi Hikayat Abdullah (HA). Tuan North yang berguru bahasa Melayu dengan Abdullah, akhirnya menjadi karib dan majikan Abdullah pula (pada tahun-tahun 1830-an dan 1840-an).

Jelas sekali bahawa Tuan North, bendahari dan jurucetak organisasi ABCFM di Singapura yang baharu tiba dari Amerika pada awal 1836 itu ialah guru bahasa Inggeris terakhir Abdullah berbanding Tuan Milne (Paderi William Milne) yang merupakan guru bahasa Inggeris Abdullah yang terawal (berkenalan semenjak September 1815). Kedua-duanya berguru bahasa Melayu dengan Abdullah, tetapi Tuan North ternyata lebih pandai. Secara kebetulan, Tuan Milne menjadi majikan Abdullah di Melaka (sebelum 1822) manakala Tuan North pula menjadi majikan Abdullah di Singapura (1836 - 1847).

Kira-kira lima tahun sebelum bekerja dengan Tuan Milne, Abdullah (bersama- sama dua orang paman dan teman-teman beliau yang pandai menulis) telah diambil bekerja di kediaman Sir Thomas Stamford Raffles (Raffles) di Kampung Bandar Hilir, Melaka.

Patut dinyatakan bahawa, Raffles ialah seorang peminat dan pengumpul manuskrip-manuskrip Melayu lama, kitab-kitab tulisan Melayu, karya-karya klasik (termasuk syair, hikayat, pantun) dan surat- surat bernilai sejarah. Dalam hubungan ini, Raffles mengupah empat orang pekerja khas untuk mencari, membeli atau meminjamnya (untuk dibuat salinan).

Sebenarnya, Abdullah bekerja dengan Tuan Raffles dua kali. Kali pertama, di Melaka, iaitu seawal bulan Disember 1810 (atau selewat-lewatnya pada bulan Januari 1811) dan

berakhir pada pertengahan Jun 1811, apabila Tuan Raffles meninggalkan Melaka menuju medan perang di Pulau Jawa.

Selepas berpisah dengan Tuan Raffles pada 18 Jun 1811, Abdullah bertemu dan bekerja sekali lagi (kali kedua) dengan majikan lamanya itu sebelas tahun kemudian di Singapura, apabila beliau datang mencari penghidupan di sana pada 1822. Manakala Tuan Raffles pula diketahui telah berada di Singapura semenjak 10 Oktober 1822 selepas tiba dari Bengkulu (atau Bangkahulu, Bengkuluen), di barat daya Sumatra.⁸

Selain menyalin mana-mana naskah klasik yang dikehendaki Tuan Raffles, beliau diamanahkan menyusun, di samping menyenaraikan himpunan koleksi peribadi dan kajian saintifik majikannya yang lumayan banyak itu. Tentang banyaknya ‘khazanah’ peribadi Tuan Raffles, tergambar dengan pernyataan “lagi tiga bulan hendak belayar balik,⁹ Raffles telah menyuruh Abdullah berkemas-kemas barang-barang yang hendak dibawanya pulang.”

Abdullah memberi gambaran rinci tentang koleksi peribadi majikannya itu sebagaimana berikut:¹⁰

- (1) Kitab-kitab, hikayat-hikayat, syair-syair Melayu dan lain-lain – iaitu yang berjilid 300 buah, yang lain-lain bercerai-cerai penuh 3 peti; tiap-tiap peti panjangnya sedepa.
- (2) Buku-buku Jawa, Bali dan Bugis – penuh 2 peti.
- (3) Patung-patung, gambar-gambar, barang-barang permainan, tulisan-tulisan di daun lontar dan lain-lain – penuh 3, 4 peti.
- (4) Perkakas bunyi-bunyian Jawa – penuh 1 peti besar.
- (5) Beribu-ribu jenis binatang yang telah dikeringkan (diawet) dan berisi kapas di dalamnya.
- (6) Berbagai-bagai jenis burung yang telah dikeringkan juga – penuh 2, 3 peti. (7) Beratus-ratus ekor ular, lipan, kala, ulat-ulat dan lain-lain yang disimpan di dalam botol; botol-botol itu pula diisi/dipenuhi dengan jin (jin = arak).
- (8) Karang-karangan laut – penuh 2 peti.

Sejumlah 20 buah tongkang digunakan untuk memunggah keseluruhan koleksi peribadi tersebut ke kapal tumpangan Raffles.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Raffles bertolak pulang ke Bengkulu pada hari Isnin, 9 Jun 1823 setelah berada agak lama di Singapura (sejak Oktober 1822) atas urusan rasmi untuk menyelia pentadbiran di Singapura. Itulah kali terakhir Abdullah bersua muka dengan majikan kesayangannya. Beberapa bulan selepas pulang ke Bengkulu, Tuan Raffles dipanggil pulang ke England kerana “satu tuduhan” yang tidak jelas sebab-musababnya.¹¹

Kemudian, takdirilah yang menentukan, tidak lama selepas memulakan pelayaran, kapal tumpangan Raffles, bernama *The Fame* tiba-tiba dijilat api lalu terbakar di laut Bengkulu dan seterusnya memusnahkan segala muatannya, termasuk ‘khazanah’ Raffles. Kebakaran yang cukup tragis pada Isnin, 2 Februari 1824 (1 Jumad al-Akhir 1239) ini mengingatkan peristiwa suatu ketika dahulu, bencana kebakaran Wisma Keramat di Jalan Gurney, Kuala Lumpur pada malam Sabtu 15/16 Ogos 1986 yang memusnahkan banyak

8 Selepas angkatan perang Inggeris berjaya menawan Pulau Jawa (September 1811), Raffles dilantik menjadi Gabenor di sana, kemudian bertukar ke Bengkulu dengan mempunyai kuasa memantau pentadbiran kerajaan di Singapura serta boleh campur tangan dalam hal pentadbiran Residen Singapura.

9 Oleh kerana tarikh keberangkatan pulang Raffles ke Bengkulu ialah pada hari Isnin, 9 Jun 1823 maka tarikh tiga bulan sebelum itu tentulah sekitar 9 Mac 1823.

10 *Ringkasan Hikayat Abdullah* (RHA) hlm. 111 dan 112.

11 RHA, hlm. 30.

buku nadir, manuskrip, gambar slide, foto dan himpunan kompendium yang merupakan kajian ensiklopedia yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selama suku abad itu yang tersimpan di aras 16.

Dua bulan selepas kebakaran *The Fame*, barulah Tuan Raffles dapat meneruskan perjalanan pulanginya—tentu sekali menumpang kapal yang lain pula. Sumber sejarah menyebut Raffles meninggal dunia pada 1826 sewaktu berusia 45 tahun.

Abdullah bekerja dengan Tuan Milne di Melaka semenjak September 1815 sebagai guru bahasa Melayu, penterjemah; di samping itu juga belajar bahasa Inggeris dan mencetak buku. Selepas kematian Tuan Milne (2 Jun 1822), Abdullah berpindah ke Singapura dan meneruskan kerja-kerja lamanya seperti di Melaka. Selain para paderi Kristian, ramai saudagar asing juga masuk menjadi muridnya – belajar bahasa Melayu dengan Abdullah Munsyi. Selepas kedatangan Rev. Alfred North ke Singapura pada awal 1836, Abdullah bekerja pula dengan “Mission Press” seliaan Rev. North – Press of American Mission selaku jurucetaknya.

Oleh kerana terkenal berkebolehan dalam banyak bahasa, pada awal 1838 Abdullah diminta menyertai rombongan dari Singapura ke Kelantan bagi mengiringi Tuan Grandpre¹² yang membawa tiga pucuk surat daripada Tuan Bonham¹³ kepada Yang Dipertuan Kelantan (Long Jenal), Raja Bendahara dan Raja Temenggong yang sedang terlibat dalam kancah “Perang Saudara”.¹⁴ Abdullah sendiri ditugaskan “menjadi jurubahasa Grandpre Inggeris itu.” Bunga rampai cerita sepanjang lawatan Abdullah ke Kelantan inilah yang menghiasi kandungan buku KPA ini.

Permasalahan Pertarikhkan Dalam KPA

Permasalahan tarikh merupakan salah satu aspek menarik untuk dibincangkan tentang KPA. Dalam hal ini, perbincangan di pecahkan kepada lima persoalan pokok.

Pertama – Persoalan Tarikh Kelahiran Abdullah

Sebenarnya tarikh lahir tokoh penulis zaman peralihan ini tidak disepakati oleh pengkaji kerana ada banyak versi: TM 1795, 1796, 1797, 1798. Dengan perkataan lain, tarikh tepatnya belum dapat diputuskan lagi, walaupun kebanyakan pengkaji cenderung memilih TM 1796.

Berikut diperturunkan beberapa petikan ayat yang menerangkan perihal semua fakta tarikh yang dimaksudkan.

- a) “Abdullah telah diperanakkan di Melaka pada TM 1795, iaitu betul-betul pada tarikh negeri Melaka bertukar tangan daripada pemerintahan Belanda kepada pemerintahan Inggeris.”
- Pengenalan Abdul Rahman Mohd. Said dalam buku *PENGAJIAN KISAH*

12 Meskipun pengarang tidak menerangkan siapa sebenarnya “Grandpre” yang menjadi utusan Tuan Bonham itu – namun, dari sumber lain, penulis mendapat tahu bahawa penama tersebut ialah seorang bangsawan muda Serani berketurunan Portugis.

13 Bonham atau Gabenor Bonham ini tidak lain ialah Gabenor Negeri-negeri Selat bagi tempoh November 1836 hingga Julai 1843. Nama penuhnya Sir Samuel George Bonham (1803 – 1863).

14 Lebih terkenal dalam sejarah lokal dengan sebutan Musuh Raja Banggol dan Musuh Kelantan.

PELAYARAN ABDULLAH MUNSUYI, susunan A. H. Edrus, Qalam, Singapura, 1960 halaman iv.

- b) “Abdullah lahir **selepas delapan bulan** Inggeris mengambil Melaka dari tangan Belanda (TM 1795).”
 - *RINGKASAN HIKAYAT ABDULLAH*
susunan Mahmud Ahmad
Pustaka Melayu, Singapura, 1965, muka 4.
- c) “Abdullah dilahirkan pada hari Ahad 7hb. Safar TH 1211 di Kampung Pali (Kampung Masjid).”
 - *RINGKASAN HIKAYAT ABDULLAH*
susunan Mahmud Ahmad
Pustaka Melayu, Singapura, 1965, muka 5.
- d) “Lahir pada 12 Ogos 1796 **ataupun dalam bulan April 1796**, di Kampung Pali Melaka”
 - Catatan mengenai Abdullah dalam buku KPA, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1970, muka 17.
- e) “...born in Malacca in the year 1797, which date is derived from information given near the end of the manuscript, wherein he states that in the year 1843 he was forty-six years of age.”
 - Nota iringan penterjemahnya pada permulaan buku *HAKAYIT ABDULLA* (baca: *HIKAYAT ABDULLAH*), Henry S. King & Co., London, 1874, halaman 4.
- f) “Tuan John Turnbull Thomson, seorang Pegawai Ukur Kerajaan yang telah tinggal di Malaya dari tahun 1838 – 1855 dan telah menterjemahkan HIKAYAT ABDULLAH ke dalam bahasa Inggeris menerangkan dalam catatannya bahawa Abdullah seorang Islam rakyat British, dia dilahirkan di Melaka dalam tahun 1798 (?)...”
 - *RINGKASAN HIKAYAT ABDULLAH*
susunan Mahmud Ahmad
Pustaka Melayu, Singapura, 1965, muka 6.

Apabila meneliti semua fakta tarikh yang termuat dalam ayat kutipan di atas, sangat perlu diberi perhatian pada satu ayat pembayang yang diyakini dapat menjadi petunjuk jejak tarikh kelahiran Abdullah. Ayat yang dimaksudkan tidak lain ialah seperti tercatat dalam petikan ayat b) itu.

Bagi memudahkan pencarian, dirunuti dahulu tarikh lengkap penyerahan kuasa pemerintahan ala *caretaker* (secara sementara) pada TM 1795 tersebut. Alhamdulillah dengan kehendak Ilahi akhirnya berjaya menjejaknya: 21 Ogos 1795.¹⁵

15 Lihat Zahari A. Rashid, *Kenang-kenangan AbdullahMunsi*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd., 2012, hlm. 64, 97, 147 dan 196.

Pelacakan lanjut mendapati tanggal 21 Ogos 1795 bertepatan dengan hari Jumaat, 5 Safar 1210 ketimbang lapan bulan (Hijri) kemudian – 5 Syawwal 1210 yang bertepatan dengan hari Rabu, 13 April 1796. Dalam hubungan ini, penulis berpendapat tanggal 13 April 1796 ini mungkin tarikh kelahiran Abdullah Munsyi yang dicari-cari pengkaji selama ini. Huraian lebih lanjut mengenai persoalan ini adalah seperti perbincangan di bawah.

Abdullah tidak mungkin “diperanakkan betul-betul pada TM 1795” seperti tercatat dalam petikan ayat a) kerana dalam petikan ayat b) berikutnya beliau sudah pun membayangkan bahawa tarikh lahirnya ialah “selepas delapan bulan Inggeris mengambil Melaka dari tangan Belanda....” Jika benar Abdullah dilahirkan “lapan bulan” selepas Ogos 1795 maka ini bermakna, beliau lahir pada bulan April 1796 sebagaimana tercatat dalam petikan ayat d).

Secara kebetulan, padanan tarikh hari Ahad 7hb. Safar TH 1211 seperti tercatat dalam petikan ayat c) bertepatan dengan 12 Ogos 1796, sama seperti catatan dalam petikan ayat d). Persoalannya, menurut takwim, tanggal 12 Ogos 1796 terjatuh pada hari Jumaat, bukan Ahad. Lantaran itu keabsahan fakta tarikh 7 Safar 1211 ini sangat diragui dan wajar dibatalkan kerana agak runyam untuk diambil kira.

Dalam keadaan “kacau” dan bercelaru ini, mujur ada tarikh “ataupun” (dalam bulan April 1796) seperti tercatat dalam petikan ayat d) yang apabila dipadukan menjadi 13 April 1796 maka padanan tarikh Hijrinya ialah 5 Syawwal 1210 seperti yang penulis telah perjelaskan sebelum ini. Demikianlah justifikasi penulis mengenai pencarian dan pemilihan tarikh kelahiran Abdullah Munsyi.

Kedua – Persoalan Tarikh Kedatangan Abdullah ke Kelantan

Sesungguhnya penulis meragui tentang kesahihan TH 1253 sebagai tarikh kedatangan Abdullah Munsyi ke Kelantan kerana maklumat yang termaktub dalam naskhah KPA (halaman 25) yang menyatakan bahawa beliau berangkat meninggalkan Singapura “kepada tarikh sanat 1253 tahun, kepada seharibulan Muharram kepada malam Rabu, iaitu kepada 27 haribulan Mac TM 1838” itu sungguh-sungguh mengelirukan.

Kekeliruan ini terjadi kerana tarikh padanan yang dinyatakan (27 Mac 1838) ternyata tidak bertepatan dengan 1 Muharram 1253, tetapi 1254! Justifikasinya, TH 1253 bermula pada 7 April 1837 dan berakhir pada 26 Mac 1838; manakala TH 1254 pula bermula pada 27 Mac 1838 dan berakhir pada 16 Mac 1839.

Nak dipanjangkan cerita, sudahlah padanan tarikhnya mungkir satu tahun genap, tanggal 7 April 1837 (padanan tarikh bagi 1 Muharram 1253) itu pula diketahui tidak jatuh pada hari Selasa malam Rabu, tetapi serasi dengan hari Jumaat malam Sabtu ketimbang 27 Mac 1838 (padanan tarikh bagi 1 Muharram 1254) yang memang jatuh pada hari Selasa malam Rabu seperti yang tercatat dalam naskhah KPA.

Selanjutnya, kesahihan fakta ini tidak dapat disangkal lagi apabila seorang sarjana Barat (jebolan SOAS, Universiti London), Prof. Cyril Skinner (1924 – 1986) dari Universiti Monash, Melbourne, Australia yang tabah melacak berita dalam akhbar paling tua di Singapura, *Singapore Free Press* – dengan mengimejtumpukan edisi penghujung Mac hingga awal Mei 1838 – menyatakan bahawa rombongan Abdullah belayar keluar dari Singapura

“di antara Isnin 26 Mac dan Rabu 28 Mac 1838.”¹⁶ Menurut C. Skinner lagi, Abdullah tiba di Sungai Kelantan pada 12 April 1838. Tarikh ini diperkirakan bersamaan dengan hari Khamis, 17 Muharram 1254.

Jelas sekali bahawa tarikh kedatangan Abdullah ke Kelantan ialah pada TH 1254, bukan 1253. Dengan perkataan lain tanggal 1 Muharram 1254 (bukan 1253) yang bertepatan dengan hari Selasa malam Rabu 27/28 Mac 1838 itu memang pantas dipertimbangkan sebagai tarikh autoritatif Abdullah mula berlepas dari Singapura menuju ke pantai Kelantan (dengan transit di Sungai Pahang dan Terengganu).

Ketiga – Persoalan Tarikh Kepulangan Abdullah ke Singapura

Abdullah menceritakan tentang ketibaan baliknya (JMT) di Singapura begini:

“...kira-kira pukul tujuh malam, Iaitu pada sembilan likur¹⁷ haribulan Muharram, sanat 1254 tahun, malam Sabtu...” (halaman 121). Secara mudah, nukilan ayat di atas bermaksud beliau sampai balik di Singapura pada waktu senja hari Jumaat malam Sabtu, 29 Muharram 1254 yang diperkirakan bersamaan dengan 24 April 1838. Persoalan ‘selumbar’ di sini ialah kerana tanggal 24 April 1838 tersebut tidak muafakat dengan hari Jumaat malam Sabtu, tetapi sepakat dengan hari Selasa malam Rabu.

Tidak cukup dengan masalah perselisihan hari sedemikian, penulis menjadi “semakin keliru” apabila mengetahui naskah KPA terbitan MPH (Malaya Publishing House) Limited, Singapura pula memuatkan satu fakta tarikh yang tidak masuk akal (mustahil). Sila tafahhus kandungan petikan ayat yang berikut: “Maka sampailah di Tanjong Katong....Kemudian adalah kira-kira pukul tujuh malam, iaitu kepada sembilan likur haribulan Muharram, sanat 1204 tahun, malam Sabtu.... Masuklah saya ke Singapura...” (cetakan keempat, 1928 dan keenam, 1949, halaman. 113 belaka).

Dalam suasana ini keadaanya “semakin keliru” kerana paparan angka TH 1204 (seharusnya 1254) terbabit tidak masuk akal langsung lantaran jarak waktunya berselang separuh abad dengan tarikh kedatangan Abdullah ke Kelantan. Dipercayai catatan TH 1204 itu merupakan ralat cetak bagi TH 1254. Hakikat ini terbukti ada benarnya sesudah penulis membanding naskah KPA di atas dengan naskah-naskah terbitan penerbit-penerbit yang lain – semua memaktubkan TH 1254, bukan 1204!

Tidak kurang ruwatnya apabila merunut Katalog Koleksi Nadir dan Peribadi PNM (2006) yang memuatkan sinopsis buku-buku Malaysiana lama termasuk KPA, tercatat pernyataan yang memberi gambaran seperti berikut: “Pelayaran tersebut bermula pada 7 Mac 1838 dari Singapura ke...Kelantan melalui negeri Pahang dan Terengganu. Pelayaran ini berakhir pada hari Jumaat iaitu pada awal Rabi’al-Awwal 1254...bersamaan 5 Mei 1838.” (halaman 113, dipetik dengan tasarruf).¹⁸

Sudahlah sinopsis buku KPA tercalar dengan maklumat salah tafsir (usai pengisahan ditafsirkan tamat pelayaran), tarikh pengarang berlepas (ETD) pada 27 Mac 1838 itu pula

16 C. Skinner: The Dating of the Civil War in Kelantan referred to in the Kisah Pelayaran Abdullah, tersiar dalam *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*. 121, 1965, no. 4, Leiden, hlm. 433 – 437.

17 Likur ertinya bilangan 21 – 29; jadinya sembilan likur bermakna 29.

18 Lihat juga rencana Zawiyah Baba, Buku Nadir Menjadi Warisan, *Utusan Malaysia*, 26 Februari 2007, hlm. 11.

dicatatnya 07 Mac 1838. Sementara awal atau 1hb Rabi' al-Awwal 1254 dicatatnya bersamaan 5 Mei 1838, walhal tarikh tepat padanannya ialah 25 Mei 1838 yang memang berbetulan dengan hari Jumaat, iaitu sama seperti yang termaktub dalam naskhah KPA ketimbang 5 Mei 1838 yang ternyata tidak serasi dengan hari Jumaat, tetapi Sabtu, 10 Safar 1254.

Buntu memikirkan cara mencari penyelesaian bagi merungkai persoalan tarikh yang tidak berketentuan ini mendorong penulis menyemak semula tulisan C. Skinner dahulu (telah disebut pada awal makalah ini).

Sesudah menelaahnya, penulis menemui tarikh carian yang dikehendaki: 24 April 1838 (bersamaan 29 Muharram 1254), iaitu sama sebagaimana penulis telah nyatakan sebelum ini. Bagaimanapun, harinya tetap berselisihan, yakni tanggal 24 April 1838 memang jatuh pada hari Selasa malam Rabu, bukan hari Jumaat malam Sabtu.

Mengupas lanjut, C. Skinner mendedahkan bahawa berita kepulungan rombongan Abdullah dari Kelantan pada 24 April 1838 itu telah mendapat liputan akhbar *Singapore Free Press* keluaran 26 April 1838 yang diperkirakan bertepatan dengan hari Khamis, 1 Safar 1254.

Beralaskan semua hujahan di atas, izinkan penulis meralat fakta tarikh kepulungan Abdullah ke Singapura begini: pada waktu senja Selasa (bukan lewat petang Jumaat), tetapi masih mengekalkan tarikh Hijri asalnya – 29 Muharram 1254 yang bertepatan dengan 24 April 1838.

Keempat – Persoalan Tarikh Abdullah Selesai menulis KPA

Pengarang memberi gambaran beliau siap menulis travelognya itu begini, “Maka tamatlah kisah ini kepada tarikh sanat 1254 tahun kepada seharibulan Zulkaedah, hari Jumaat, waktu Dhuha... kepada tahun Masihi sanat 1852 kepada lima likur haribulan Ogos.” (halaman 126).

Sekali imbas, petikan ayat penamat dalam naskhah KPA di atas bermaksud pengarang siap menulis buku peringatan pelayarannya itu pada pagi Jumaat, 1 Zulkaedah 1254 bersamaan 25 Ogos 1852. Walhal padanan tarikh tersebut jauh terpesong serta sangat mengelirukan. Hal ini terjadi kerana tanggal 1 Zulkaedah 1254 diketahui bersamaan dengan hari Rabu, 16 Januari 1839, manakala 25 Ogos 1852 pula bertepatan dengan hari Rabu, 9 Zulkaedah 1268.

Kesilapan padanan tarikh yang begitu ketara, ditambah dengan ketidaksepakatan hari sungguh-sungguh diragukan kesahihan fakta tarikh tersebut, juga mendorong meneruskan pencarian tarikh sebenar buku KPA yang belum selesai ditulis ini. Runutan setiap awal bulan Hijri sepanjang TH 1254 (sebagaimana jadual Padanan Tarikh di bawah) berjaya menjejaki “bulan” buronan yang dicari-cari: Rabi' al-Awwal, bukan Zulkaedah! Tanggal 1 Rabi' al-Awwal 1254 memang berbetulan dengan hari Jumaat, iaitu bersamaan 25 Mei 1838 ketimbang 1 Zulkaedah 1254 yang berbetulan dengan hari Rabu, 16 Januari 1839. Berlainan sekali dengan tanggal 25 Ogos 1852 yang diperkirakan bersamaan dengan 9 Zulkaedah 1268.

Padanan Tarikh

Hijri	Miladi	Hari
1/1/1254	27/3/1838	Selasa
1/2/1254	26/4/1838	Khamis
1/3/1254	25/5/1838	Jumaat
1/4/1254	24/6/1838	Ahad
1/5/1254	23/7/1838	Isnin
1/6/1254	22/8/1838	Rabu
1/7/1254	20/9/1838	Khamis
1/8/1254	20/10/1838	Sabtu
1/9/1254	18/11/1838	Ahad
1/10/1254	18/12/1838	Selasa
1/11/1254	16/01/1839	Rabu
1/12/1254	15/02/1839	Jumaat

Dalam hubungan juga, demi mengukuhkan hujah, adalah lebih elok lagi jika dapat menyemak naskhah asli KPA yang tentu sekali autentik. Walau bagaimanapun, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan kehendak-Nya dimujurkan berpeluang menatap salinan fotokopi naskhah cetakan sulung KPA yang diterbitkan di Singapura pada 1838. Dalam hal ini dikongsikan petikan ayat terakhir sebagaimana tercatat pada halaman 158 dalam naskhah tersebut (dengan tasarruf): “Maka tamatlah kisah ini kepada tarikh sanat 1254 tahun kepada seharibulan Rabi’ al-Awwal, hari Jumaat, waktu Dhuha... iaitu kepada tahun Masihi sanat 1838, kepada lima likur haribulan Mei”.

Apabila dianalisis banding kedua-dua isi petikan ayat penamat tersebut di atas barulah diketahui bahawa kecelaruan maklumat dalam **Persoalan Keempat** ini sebenarnya berpunca daripada tiga ralat fakta tarikhnya:

- Tarikh bulan Hijriyyah yang ketiga (Rabi’al-Awwal) Dicetaknya menjadi bulan ke sebelas (Zulkaedah)
- TM 1838 disilap cetak menjadi 1852;
- Padanan bulan Miladiyyah kelima (Mei) dicetak menjadi bulan kelapan (Ogos)

Kelima – Persoalan Tarikh Pelayaran Abdullah ke Judah/Jeddah

Persoalan pokok terakhir ialah analisis fakta dan pentarikhkan yang melatari bahagian kedua buku KPA – Pelayaran ke Judah (juga dieja Jeddah).

Berbanding dengan kandungan bahagian pertama (merangkumi 104 halaman), isi bahagian kedua agak lebih singkat (meliputi 28 halaman) kerana pengarang tidak sempat merampungnya – ditakdirkan keburu menemui ajal di Judah (sumber lain: di Makkah). Pengarang menceritakan, beliau “belayar dari negeri Singapura... kepada tarikh sanat 1273 tahun, kepada 29 haribulan Jumad al-Awwal, iaitu kepada TM 1854.” (halaman 129).

Sekali lagi kita disuguh dengan fakta tarikh yang bercelaruhan. Mengulas lanjut, Kassim Ahmad sekadar menganotasinya begini: “Sanat 1273 – tarikh ini tidak tepat, kerana pelayaran...dilakukan dalam TM1854, iaitu bersamaan dengan TH 1270.” (halaman 178, dipetik dengan tasarruf).

Sesungguhnya, dapat diterima pandangan Kassim Ahmad, yakni Abdullah berangkat ke Judah pada 29 Jumad al-Awwal 1270. Tarikh ini diperkirakan bertepatan dengan hari Isnin, 27 Februari 1854, iaitu berselang hanya lapan bulan sebelum lagi pengarang meninggal dunia pada suatu tarikh yang tidak jelas – walaupun ada sumber yang mendakwa pada TM 1854.


Singkat perbincangan, Abdullah mustahil berlepas pada 29 Jumad al-Awwal 1273 kerana Tahun Hijriyyah yang diketahui bertepatan dengan hari Ahad 25 Januari 1857 ini berselang 27 bulan selepas kematiannya! Dengan itu sebagai rumusan, Abdullah berada di Kelantan selama 4 hari penuh, iaitu mulai 13 hingga 16 April 1838, tanpa mengambil kira tarikh ketibaannya dari Singapura pada hari Khamis 12 April 1838 dan keberangkatan pulangnyanya pada hari Selasa 17 April 1838. Namun, apabila ditambah dengan durasi pelayaran hala mari 17 hari dan durasi pelayaran balik 8 hari, maka jumlah keseluruhan hari pengembaraannya ke Kelantan ialah 29 hari - menepati tarikh hijriyyah 1 hingga 29 Muharram 1254 seperti yang penulis telah perkatakan dalam **Persoalan Ketiga** sebelum ini.


Mutakhir, ada pengkaji yang meyakini bahawa tarikh kematian Abdullah Munshi ialah pada 27 Oktober 1854 ataupun tidak lama sebelum tarikh tersebut. Tarikh ini diperkirakan bertepatan dengan hari Jumaat, 5 Safar 1271. Ini bermakna usianya 58 tahun (M) atau 60 tahun (H). Wallahu’alam.

Penutup

Demikianlah sekadarnya yang dapat dicatat, dianalisis dan dibanding. Tidak lain niat dalam upaya ini, kecuali untuk mencari tarikh sebenar atau tarikh tepat bagi semua peristiwa berkaitan: Tarikh kelahiran Abdullah, Tarikh kedatangan Abdullah ke Kelantan, Tarikh kepulangan Abdullah ke Singapura (dari Kelantan), Tarikh Abdullah selesai menulis KPA dan akhir sekali, dan Tarikh pelayaran Abdullah ke Judah/Jeddah. Diharapkan mudah-mudahan catatan dokumentasi ini dapat merungkai atau menemukan tarikh bagi semua peristiwa yang dinyatakan. Dengan itu terdapat “kekeliruan” atau katakanlah salah fakta bagi semua ini kerana padanan tarikh Hijri – Miladi yang tidak tepat, di samping ralat cetak atau mungkin juga “salah petik”. Seterusnya diharapkan juga, tulisan ini menjadi pangkalan tempat bertolak bagi penelitian dan tulisan selanjutnya oleh pengkaji lain.

Contoh Beberapa Tajuk dan Karya Abdullah Munshi





TRANSLATIONS FROM THE
HAKAYIT ABDULLA

(BIN ABDULKADAR),
MUNSHI.

WITH COMMENTS BY

J. T. THOMSON, F.R.G.S.,

AUTHOR OF "SOME GLIMPSES INTO LIFE IN THE FAR EAST," ETC., ETC.

HENRY S. KING & Co.,
65 CORNHILL, AND 12 PATERNOSTER Row, LONDON.
1874.

